

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

Kenyataan Pra-Belanjawan 2022 tingkat keyakinan pelabur

Langkah kerajaan beri gambaran awal strategi atasi cabaran ekonomi disambut baik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kenyataan Pra-Belanjawan 2022 (KPB 2022) yang dikeluarkan Kementerian Kewangan pada Selasa dilihat meningkatkan ketelusan kerajaan dalam menguruskan jangkaan hala tuju belanjawan tahunan serta secara tidak langsung meningkatkan keyakinan pelabur dan perniagaan, demikian kata penganalisis.

TA Securities berkata, penerbitan KPB 2022 itu adalah kali pertama dilaksanakan Kementerian Kewangan dan ia menyediakan gambaran awal mengenai hala tuju, pendekatan dan jangkaan manfaat untuk Belanjawan 2022.

IA berkata, Belanjawan 2022 akan dirangka dengan pendekatan menyeluruh sejajar semangat 'Keluarga Malaysia', sekali gus memastikan tidak ada sesiapa yang ketinggalan dalam menerima bantuan kerajaan.

"Justeru, ini memberi gambaran bahawa mereka yang terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau langkah

ketat yang dilaksanakan bagi membendung COVID-19 akan terus menerima sokongan kerajaan," katanya dalam nota penyelidikan.

TA Securities berkata, walaupun tidak ada unjuran ekonomi makro bagi 2022 dalam KPB 2022, Kementerian Kewangan memetik unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang masing-masing sebanyak 6 dan 5 peratus tahun depan dengan kembali ke paras prapandemik.

IA berkata, sektor perkhidmatan dan pembuatan dijangka terus memacu pertumbuhan susulan normalisasi aktiviti ekonomi dengan kejayaan program vaksinasi kebangsaan.

Katanya, pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi akan menyokong sentimen pelaburan dan peningkatan berterusan permintaan luaran serta pemulihan harga komoditi dijangka memacu output merentasi semua sektor ekonomi.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata ada beberapa inti pati dalam KPB 2022 yang agak menarik seperti komitmen kerajaan untuk menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal bagi meningkatkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal negara.

Beliau berkata, satu lagi as-

pek yang boleh dipuji dalam kenyataan itu ialah penjelasan kerajaan mengenai strategi untuk meningkatkan hasil percutiaan dan pemantapan sistem percutiaan itu sendiri.

Namun, katanya, strategi kerajaan dari segi pengurusan perbelanjaan seharusnya lebih terperinci untuk mengelak berlakunya ketirisan dan pelaksanaan inisiatif atau program yang tidak mampu memberi impak tinggi kepada rakyat.

"Secara keseluruhan, KPB 2022 amat dialu-alukan kerana sekurang-kurangnya ia dapat memberi gambaran awal strategi kerajaan untuk menangani cabaran ekonomi bermula pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 tidak lama lagi dan pembentangan Belanjawan 2022 pada Oktober nanti.

"Komuniti perniagaan dan pelabur juga akan kembali yakin dan mampu merancang dengan lebih sempurna berdasar-

kan gambaran awal yang diberi dalam KPB ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata KPB yang diterbitkan itu juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk terus menyokong proses pemulihan ekonomi melalui dasar fiskal yang mengembang.

Beliau berkata, perkara itu jelas dinyatakan melalui pengkalan sasaran defisit fiskal iaitu antara 6.5 hingga 7 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2021.

Di samping itu, katanya, had siling hutang 60 peratus daripada nilai KDNK juga bakal dinaikkan bagi memberi lebih ruang bagi kerajaan untuk berbelanja dengan lebih lagi pada masa akan datang.

"Justeru, usaha pada jangka masa terdekat ini adalah memastikan setiap bantuan kera-

jaan sampai kepada golongan sasaran dengan segera supaya dapat memberi kesan ekonomi yang positif," katanya.

RHB Research dalam nota penyelidikannya berkata, penerbitan KPB 2022 serta kemajuan dalam persekitaran ekonomi pada Ogos dan kemungkinan pemulihan berterusan menunjukkan bahawa ekonomi negara berada dalam landasan kukuh.

Justeru, ia mengekalkan unjuran KDNK 2021 sebanyak 5.4 peratus berbanding unjuran konsensus Bloomberg 4.4 peratus.

CGS-CIMB dalam nota penyelidikannya pula berpandangan Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan Oktober ini dijangka menumpukan gabungan agenda menyokong pertumbuhan dan menyeluruh bagi memastikan pemulihan ekonomi negara yang lebih mampan susulan krisis COVID-19.

IA menjangka sokongan fiskal bersasar akan diteruskan bagi melindungi golongan masyarakat mudah terjejas dan perniagaan yang terjejas teruk akibat pandemik itu seperti pelancongan serta runcit.

Selain itu, katanya, perbelanjaan fiskal dijangka menumpukan aspek pengukuhan sistem kesihatan awam, meneruskan pembangunan infrastruktur fizikal dan mempertingkatkan prasarana digital dan teknologi, sekali gus membayangkan bahawa perbelanjaan pembangunan bagi 2022 akan kekal ketara.

Satu lagi aspek yang boleh dipuji dalam kenyataan itu ialah penjelasan kerajaan mengenai strategi untuk meningkatkan hasil percutiaan dan pemantapan sistem percutiaan itu sendiri

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan Perniagaan
Putra Business School UPM

